

08/02/1998

Pagoh sepakat kekalkan tiga jawatan tertinggi

MUAR: Umno Bahagian Pagoh sepakat mengusulkan supaya tiga jawatan tertinggi bahagian itu tidak ditandingi pada pemilihan peringkat bahagian pada Mac ini.

Penyandang jawatan Ketua, Timbalan Ketua dan Naib Ketua Umno Bahagian Pagoh dicadang supaya dikekalkan berikutan tiada sebarang masalah yang timbul serta demi mengukuhkan perpaduan bahagian itu.

Ketua Umno Bahagian Pagoh, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, berkata semua ahli jawatankuasa sepakat supaya tiga jawatan terbabit tidak ditandingi pada pemilihan kali ini.

Beliau berkata, semua cawangan dalam bahagian itu diminta menyokong usul itu selaras dengan nasihat Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya mengelak sebarang persaingan yang boleh menggugat keutuhan parti.

"Keputusan ini adalah kesepakatan semua ahli jawatankuasa dalam pertemuan dan perbincangan yang kita adakan demi kekuatan dan perpaduan Umno Bahagian Pagoh sebelum kita jadikan usul untuk diperjelaskan kepada semua ahli.

"Kami berharap usul ini mendapat restu semua pemimpin Umno di peringkat cawangan yang akan mula bersidang dan membuat pencalonan tidak lama lagi," katanya ketika merasmikan Kursus Pentadbiran dan Pengendalian Mesyuarat Umno Bahagian Pagoh di sini, semalam.

Turut hadir di majlis itu Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Bukit Serampang yang juga Timbalan Ketua Bahagian, Ahmad Omar, dan Naib Ketua Bahagian yang juga Setiausaha Politik Menteri Besar Johor, Samat Ariffin.

Muhyiddin berkata, langkah itu juga dapat memastikan Umno Bahagian Pagoh terus terpelihara daripada sebarang keadaan yang boleh menjejaskan kestabilan perpaduan semua ahlinya.

Katanya, pencalonan untuk senarai ahli jawatankuasa tidak dihadkan supaya dapat memberi peluang kepada usaha untuk menonjolkan lebih ramai pemimpin baru yang dapat menjadi generasi pelapis pada masa hadapan.

"Kita berharap usul tiga jawatan ini tidak dipertandingkan tidak disalah tafsir sebagai menghalang pertandingan yang dibenarkan oleh parti, tetapi berdasarkan tiada sebarang masalah yang timbul, apa salahnya kita mengekalkan status quo yang sedia ada.

"Semua penyandang jawatan terbabit juga bersetuju menawarkan diri untuk terus berkhidmat. Walaupun ada kelemahan tertentu, kita sepakat untuk mengatasi kelemahan yang ada, tetapi keadaan itu tidak perlu sampai merombak pucuk pimpinan," katanya.

(END)